Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan di bawah Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF

Program Pendidikan Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Education, FIDE), yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia dan Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) pada November 2008, kini ditawarkan di bawah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (ICLIF) mulai September 2010. FIDE dibangunkan dengan matlamat untuk menggalakkan kewujudan ahli lembaga pengarah yang berimpak tinggi dalam institusi kewangan dengan meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam menangani isu-isu tadbir urus korporat, pengurusan risiko dan strategik dalam sektor kewangan. Penekanan diberikan terhadap isu-isu penting dan terkini yang dihadapi oleh institusi kewangan berdasarkan pemerhatian penyeliaan oleh Bank serta perkembangan global dan dalam negeri yang memberi kesan terhadap institusi kewangan. Para pengarah berpeluang untuk membahaskan isu-isu tersebut secara intelektual, serta meneliti implikasi secara praktikal dalam konteks persekitaran operasi mereka. Matlamat ini dapat dicapai melalui penggunaan meluas kajian kes dan simulasi yang dihasilkan berdasarkan pengalaman sebenar dalam sektor kewangan. Oleh itu, matlamat FIDE adalah untuk membekalkan para pengarah dengan kebolehan dan pengetahuan praktikal agar dapat melaksanakan tugas pengawasan pengurusan institusi kewangan secara berkesan.

Dalam tempoh dua tahun sejak pelancarannya, program FIDE terus diperhalusi dan ditambah baik untuk memperkasa kekuatan utamanya, iaitu:

(i) tumpuan yang unik dan terfokus terhadap tadbir urus dalam institusi kewangan yang membolehkan perbincangan mendalam antara pengarah yang mempunyai pemikiran yang sama tentang isu-isu khusus yang dihadapi mereka di lembaga pengarah. Ia juga memudahkan penyesuaian modul-modul utama seperti modul pengurusan risiko dalam membuat pertimbangan perniagaan yang berbeza dalam bidang perbankan, insurans dan kewangan Islam;

(ii) pengumpulan pengetahuan yang meluas dan kefahaman praktikal pengarah berpengalaman yang menyertai program untuk mewujudkan persekitaran pembelajaran agar para pengarah dapat saling mempelajari daripada satu sama lain. Pengalaman ini seterusnya dibawa ke luar kuliah melalui sokongan berterusan dan kelengkapan yang disediakan kepada pengarah untuk mengekalkan hubungan selepas tamat program;

(iii) membina fakulti yang kukuh dalam pelbagai bidang, yang terdiri daripada pemimpin yang mempunyai idea terkini dan pengamal terkemuka daripada pelbagai latar belakang, serta berpengalaman luas dalam bidang perkhidmatan kewangan dan pembelajaran dewasa; dan

(iv) penglibatan meluas para pengawal selia dalam menyediakan input kandungan dan memperkukuh pengajaran yang diperoleh melalui interaksi penyeliaan dengan institusi kewangan. Ini dapat memastikan bahawa inti pati pembelajaran akan membuahkan amalan lembaga pengarah yang lebih baik dan mengekalkan jalinan yang kukuh antara program dengan kestabilan kewangan yang dihasratkan.

Inisiatif FIDE yang bermula dengan program berasaskan modul teras juga telah diperluas sebagai respons kepada minat mendalam yang ditunjukkan oleh pengarah institusi kewangan untuk mendapatkan latihan selanjutnya. Di samping program terasnya, FIDE juga kini menyediakan latihan dalam pelbagai bidang khusus dan teknikal sejajar dengan peranan lembaga pengarah yang tertentu (seperti jawatankuasa audit, jawatankuasa pengurusan risiko dan jawatankuasa pelantikan) dan juga memenuhi minat dalam kalangan pengarah untuk mendalami pengetahuan mereka mengenai aspek khusus di bawah kendalian mereka (seperti bidang teknologi maklumat dan kewangan Islam). Sejak tahun 2010, program turut disediakan untuk pengarah baharu bagi mempertingkat lagi pengetahuan mereka tentang urusan perbankan dan insurans yang asas. FIDE juga diperlengkap dengan siri ceramah dan syarahan khas oleh penceramah tersohor dan pakar industri terkemuka mengenai isu-isu semasa yang membolehkan pengarah terus mengikuti perkembangan terkini.

Sehingga kini, lebih 230 pengarah institusi kewangan Malaysia telah mendapat manfaat daripada program FIDE yang seterusnya berjaya membentuk amalan lembaga pengarah yang lebih kukuh dalam institusi kewangan. Kejayaan FIDE dan kesedaran yang lebih tinggi pada peringkat antarabangsa tentang betapa pentingnya tadbir urus dan perlunya lembaga pengarah yang efektif untuk memperkukuh daya tahan institusi kewangan serta menggalakkan kestabilan kewangan jangka panjang telah menarik minat yang semakin mendalam daripada pengarah institusi kewangan dari sekitar rantau ini untuk menyertai program ini. Sehubungan dengan itu, dan sebagai sebahagian daripada usaha untuk memperhebat kerjasama merentas sempadan dalam menggalakkan kestabilan kewangan, jangkauan FIDE telah diperluas untuk membolehkan program FIDE ditawarkan kepada pengarah institusi kewangan dari rantau Asia Pasifik, Timur Tengah dan Afrika mulai tahun 2011. ICLIF akan berperanan sebagai platform untuk menguruskan, menyesuaikan dan menyediakan program FIDE ke rantau-rantau tersebut. Sebagai sebahagian daripada usaha ini, ICLIF menubuhkan Pusat Tadbir Urus dan berikutan itu ICLIF kini dikenali sebagai Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF untuk mencerminkan mandatnya yang lebih luas.

Langkah tersebut akan membolehkan FIDE memanfaatkan kekuatan teras ICLIF dalam membangunkan kompetensi kepemimpinan untuk memperkukuh FIDE dan melengkapkan fakulti FIDE dengan pakar kepemimpinan dan tadbir urus di ICLIF dari institusi terkemuka dunia. Komitmen FIDE terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan pembinaan rangkaian sokongan yang berkesan untuk pengarah institusi kewangan juga akan dipelihara dan terus diperkukuh. Pada masa hadapan, lebih banyak sumber akan dikhususkan di bawah ICLIF yang akan menjurus kepada aspek penyelidikan, pembangunan program baharu dan kajian kes, serta penyediaan pelbagai khidmat nasihat untuk anggota pengarah.

Bagi memastikan program FIDE akan terus relevan kepada industri, dan dengan mengambil kira perubahan dalam landskap kewangan, jalinan hubungan dengan industri akan berterusan bagi menyediakan pendidikan terkini untuk para pengarah sektor kewangan. Maklumat lanjut mengenai FIDE boleh didapati daripada laman sesawangnya di www.fide.org.my.

Program FIDE

PROGRAM TERAS

Setelah menamatkan keempat-empat modul, peserta akan mempunyai:

- kefahaman yang lebih jelas mengenai peranan lembaga pengarah dan tanggungjawab fidusiari setiap pengarah kepada pihak berkepentingan, termasuk pendeposit dan pemegang polisi
- kesedaran lebih tinggi mengenai perubahan dalam persekitaran undang-undang, kawal selia dan perniagaan, dan memikirkan implikasi serta-merta dan jangka panjangnya terhadap amalan lembaga pengarah
- keupayaan untuk memainkan peranan lebih aktif dalam menghasilkan wawasan yang dinamik untuk institusi, mewujudkan budaya etika yang kukuh, dan menggalakkan keseimbangan yang wajar antara kawalan risiko dengan keusahawanan
- kebolehan untuk mereka bentuk dan menilai struktur organisasi yang sesuai untuk pengurusan risiko yang lebih mantap
- kefahaman lebih mendalam mengenai isu-isu utama dalam pelaporan kewangan dan memastikan integriti laporan kewangan
- penghayatan lebih mendalam tentang bagaimana mereka boleh menyumbang dengan lebih baik terhadap keberkesanan keseluruhan lembaga pengarah dan jawatankuasa

PROGRAM UNTUK PERANAN KHUSUS LEMBAGA PENGARAH

- Program Jawatankuasa Audit
- Program Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Program Jawatankuasa Pelantikan dan Imbuhan*

PROGRAM TEKNIKAL

- Kefahaman mengenai Perbankan
- Kefahaman mengenai Insurans*
- Pengurusan Risiko dalam Kewangan Islam
- Tadbir Urus IT dan Pengurusan Risiko
- Pengurusan Risiko dalam Takaful*

Simulasi khas lembaga pengarah

* Bakal diperkenalkan pada tahun 2011